

Pengambilalihan EDL boleh berikan kesan projek tol akan datang, kata ahli ekonomi
Malaysian Insider
1 September, 2012
Oleh Lee Wei Lian

KUALA LUMPUR, 1 Sept — Pengambilalihan Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) oleh kerajaan boleh menyebabkan projek-projek tol lebih sukar pada masa hadapan oleh kerana pemegang konsesi tol akan menyedari bahawa kerajaan boleh mengubah keputusan disebabkan oleh tekanan awam kata ketua ekonomi RAM Ratings, Yeah Kim Leng.

Ini berlaku selepas EDL yang berharga RM1 bilion, yang telah tidak dibenarkan untuk memungut apa-apa tol sejak ia dibuka pada bulan April lalu.

Khamis lalu, dilaporkan bahawa EDL akan diambil alih oleh kerajaan, satu langkah yang berpotensi menggunakan dana daripada pembayar cukai dan boleh meningkatkan hutang awam negara.

Yeah berkata bahawa pemegang konsesi tol kini perlu berjaga-jaga oleh kerana sokongan kerajaan untuk kutipan tol boleh berubah.

“Ia akan menyebabkan kesukaran untuk projek-projek akan datang,” katanya kepada The Malaysian Insider ketika dihubungi semalam.

Yeah menambah, bagi projek-projek masa depan kerajaan perlu untuk memastikan orang ramai telah dimaklumkan sepenuhnya bahawa tol akan dikutip bagi mana-mana projek yang diswastakan, perlu ada beberapa bentuk mengukur kesediaan awam untuk membayar.

The Malaysian Insider melaporkan Disember lalu bahawa lebuhraya yang berharga RM1 bilion dibina oleh Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) akan memaksa pemandu-berulang-alik ke Singapura melalui Tambak Johor untuk membayar kira-kira lima kali ganda daripada kadar sekarang RM2.90.

Keputusan untuk melarang kutipan tol apabila EDL dibuka secara meluas dilihat sebagai satu langkah untuk mengelakkan penentangan daripada orang ramai di negeri kubu kuat Umno menjelang pilihan raya umum yang semakin hampir.

Kenaikan harga tol ibarat memberikan ‘makanan’ kepada pembangkang, terutama PKR yang mengadakan kongres kebangsaan di Johor akhir tahun lepas sebagai isyarat bahawa ia telah bersedia untuk mengambil alih negeri walaupun tidak memenangi kerusi di kubu Umno itu pada pilihan raya umum (PRU) 2008.

Lebih 50,000 kenderaan menyeberangi jambatan setiap hari, kebanyakannya rakyat Malaysia di dalam dan di sekitar ibu negeri Johor yang berulang-alik ke republik tersebut untuk bekerja.

Kekurangan prospek hasil sejak lebuhraya baru dibuka bagaimanapun menyebabkan bon Islam yang dikeluarkan oleh pemilik EDL - MRCB Southern Link Bhd - akan diturunkan oleh RAM awal bulan ini.

Percambahan lebuhraya bertol yang dikendalikan secara persendirian boleh disaksikan di Malaysia sejak tahun 1980-an dan tol adalah isu utama pada PRU lalu.

Pentadbiran Najib telah cuba untuk menangani rasa tidak puas hati rakyat terhadap tol dan beberapa lebuhraya bertol di dalam dan sekitar Kuala Lumpur sehingga terpaksa untuk mengurangkan kadar tol atau memansuhkan tol sepenuhnya.

PLUS Expressways Bhd - yang mengendalikan Lebuhraya Utara Selatan - juga diambil alih oleh UEM Group, sebuah syarikat berkait kerajaan (GLC) dan dana pencen KWSP sebanyak RM23 bilion pada tahun 2010.

Selepas pengambilalihan itu, PLUS Expressways berkata ia bersetuju untuk harga tol yang lebih rendah dan tidak meminta pampasan sebagai pertukaran untuk tempoh konsesi lebih lama.

Projek tol terbaru Lebuhraya Pantai Barat berada di bawah penelitian dari pembangkang sedang dibina oleh Kumpulan Europlus dengan kos berjumlah RM7 bilion, disebabkan oleh subsidi faedah dan pinjaman mudah RM2.24 bilion daripada kerajaan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengambilalihan-edl-boleh-berikan-kesan-projek-tol-akan-datang-kata-ahli-ekonomi/>